

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 AUGUST 2016

# Lebih 2 juta penduduk manfaat LRT3

BH - 25/8/2016

➔ Projek tren pertama guna teknologi hijau dijangka siap menjelang 31 Ogos 2020

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Norrasyidah Arshad  
bhnews@bh.com.my

## Shah Alam

**D**atuk Seri Najib Razak semalam melancarkan Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang akan menghubungkan Bandar Utama di Petaling Jaya dengan Johan Setia di Klang, sepanjang 37 kilometer.

Perdana Menteri berkata, LRT3 akan menjadi projek tren pertama di Malaysia menggunakan teknologi hijau yang dilengkapi teknologi pengumpulan air hujan, sistem pe-

ngurangan bunyi, sistem pengurusan tenaga yang lebih baik serta pengudaraan semula jadi dalam reka bentuknya.

Apabila siap menjelang 31 Ogos 2020, LRT3 akan memanfaatkan lebih 2 juta penduduk di kawasan Koridor Barat Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Pembinaannya dijadualkan bermula awal tahun depan.

Katanya, jajaran LRT3 akan mempunyai 26 stesen dengan 10 daripadanya dilengkapi kemudahan *park and ride*, selain kemudahan tambahan bas pengantara bagi menghubungkan penduduk ke stesen.

"Saya difahamkan LRT3 akan menggunakan teknologi baharu iaitu U-Trough. Ia satu penambahbaikan kepada sistem konvensional sedia ada. Pelaksanaannya akan mempercepatkan proses dan masa," katanya berucap pada majlis pelancaran projek itu di Stadium Malawati di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Ke-

rajangan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Pengerusi Prasarana Malaysia Berhad, Tan Sri Ismail Adam.

### Capai piawaian dunia

Perdana Menteri juga mahu projek LRT3 mencapai piawaian pembinaan bertaraf dunia, tidak berkompromi dari segi kualiti kerja dan keperluan keselamatan.

Najib turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Selangor pimpinan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, yang bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan projek LRT3.

"Projek ini insya-Allah akan mengikut jadual dan saya berterima kasih kepada kerajaan Selangor yang memberi kerjasama untuk menjayakannya.

"Walaupun kita berbeza pandangan tetapi untuk kepentingan rakyat, perlu diingat rakyat mesti didahulukan," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan diskaun sebanyak 50 peratus kepada pengguna yang menggunakan perkhidmatan rangkaian tren Rapid KL LRT dan Monorel antara jam 6 hingga 7 pagi, bermula 16 September ini.

## Jajaran Aliran Transit Ringan 3 (LRT3) Bandar Utama - Klang

